



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS,
Teluk Likas, Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu
SABAH, MALAYSIA
Tel.: 088-368900 Faks: 088-215116
Laman web: www.jpkn.sabah.gov.my



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (42)
Tarikh : 26 September 2022

SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH/KETUA CAWANGAN/KETUA KSIT

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3 Tahun 2022 rujukan JPAN:700-2/8/(44)] bertarikh 09 April 2022 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah baik peraturan waktu bekerja sedia ada daripada persekitaran kerja yang tegar kepada persekitaran kerja yang fleksibel dengan melaksanakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di agensi Kerajaan Negeri.

3. Sehubungan itu, selaras dengan Keputusan Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan WBF, waktu pejabat bagi Negeri Sabah adalah bermula dari pukul **7.30 pagi hingga 6.00 petang**. Hari dan tempoh bekerja adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Negeri	Hari	Waktu Masuk (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Pulang (Petang)	Tempoh Waktu Bekerja Sehari
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	Isnin hingga Jumaat	7.30 - 9.00	Isnin - Khamis 1.00 tengah hari - 2.00 petang Jumaat 11.30 pagi - 2.00 petang	4.30 - 6.00	9 jam

...2

'SABAH MAJU JAYA'



SIRIM
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT NO: AR 5574

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (41)
Tarikh : 26 September 2022

4. Sekiranya pegawai merakam kehadiran masuk melebihi pukul 9.00 pagi, pegawai dianggap lewat hadir ke pejabat. Walau bagaimanapun, dengan justifikasi kukuh bagi kelewatan masuk ke pejabat, pegawai tersebut **dikehendaki** mencukupkan jumlah jam bekerja sehari iaitu (9 jam).

5. Manakala, bagi **WBF Bulan Ramadhan** adalah seperti **Jadual 2** berikut:

Negeri	Hari	Waktu Masuk (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Pulang (Petang)	Tempoh Waktu Bekerja Sehari
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	Isnin hingga Jumaat	7.30 - 9.00	Isnin - Khamis 1.00 tengah hari - 1.30 tengah hari Jumaat 11.45 pagi - 1.45 tengah hari	4.00 - 5.30	9 jam

6. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih waktu bekerja fleksibel biasa (Jadual 1) sekiranya tidak mahu pulang lebih awal. Adalah diharapkan pengurangan masa bekerja sepanjang bulan Ramadhan ini tidak akan menjejaskan aktiviti dan operasi penyampaian perkhidmatan awam kepada golongan sasar.

7. Pemilihan WBF bulan Ramadhan adalah terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dengan mengisi borang permohonan pemilihan waktu rehat pada bulan Ramadhan dalam **Lampiran A** tertakluk kepada kelulusan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

8. Manakala, berkenaan Kebenaran Keluar Pejabat ketika waktu pejabat adalah tertakluk kepada kelulusan penyelia melalui pengisian permohonan dalam Sistem Keluar Pejabat (<https://keluarpejabat.sabah.gov.my/>).Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk tujuan meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja hendaklah **tidak melebihi 4 jam sehari** atau **separuh daripada waktu bekerja sehari (tidak termasuk waktu rehat), mana yang lebih rendah**. Jika tempoh meninggalkan pejabat melebihi daripada tempoh maksimum yang ditetapkan pada hari tersebut, pegawai dikehendaki mengambil Cuti Rehat atau cuti lain yang dia berkelayakan.

...3/

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (4)
Tarikh : 26 September 2022

9. Kebenaran keluar pejabat hanya dibenarkan sebanyak maksimum **tiga (3) kali** setiap bulan. Kakitangan tersebut hendaklah **menggantikan semula** tempoh waktu bekerja yang telah digunakan untuk tujuan menyelesaikan tugas hakikinya supaya penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.
10. Untuk maklumat lanjut dan terperinci mengenai pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF), tuan/puan boleh merujuk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3 Tahun 2022 rujukan JPAN:700-2/8/(44)] bertarikh 09 April 2022.**
11. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap setiap Ketua Penolong Pengarah, Ketua Cawangan, Ketua KSIT untuk memastikan setiap pegawai di bawah jagaan masing-masing untuk maklum mengenai perkara tersebut di atas mematuhi arahan ini. Sila maklum bahawa Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 01 Oktober 2022.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PROFESIONALISME TERAS KEUNGGULAN”


(ERNYWATI DEWITABAS)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PIAA/ea